



Nor Aqilah menerima kucupan tahniah daripada ibu dan bapanya berikutan kejayaan meraih 4A dalam STPM 2018.

Nor Aqilah bukti boleh cemerlang

RAUB - Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hanya 2A namun dia muncul antara calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2018 yang meraih Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0 di negara ini.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dong, Raub, Nor Aqilah Atikah Mat Sarif, 20 dari Kuala Gali antara lima calon sekolah itu yang meraih semua A dalam subjek Pengajian Am, Bahasa Melayu, Geografi dan Pengajian Perniagaan.

Tidak sangka meraih keputusan cemerlang anak sulung pasangan Mat Sarif Arof, 55 dan Nolizarina Abdullah, 55 itu membuktikan kegagalan lalu bukan penghalang.

Nor Aqilah menyifatkan kejayaan

itu kerana doa dan sokongan bapanya yang bekerja kampung dan ibunya, seorang penghidap polio.

“Dalam kelas, saya sentiasa fokus dan tidak habiskan masa terlalu lama mengulangkaji,” katanya yang memilih Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyambung pengajian.

Nor Aqilah juga mengakui kemiskinan keluarganya menyebabkan dia nekad meraih kejayaan itu.

Sementara itu, Nolizarina berkata dia kesukaran mereka sekeluarga dan tidak memberi tekanan ketika anaknya gagal cemerlang dalam SPM.

“Saya selalu pesan, apa gunanya bangun pagi awal, susah payah tapi tak berjaya. Itulah motivasi untuk kejayaan dia,” katanya.